



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[MUSTAFA AL-SIBA'I'S CONTRIBUTIONS AND THOUGHTS ON THE SECT OF
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH]**

**SUMBANGAN PEMIKIRAN MUSTAFA AL-SIBA'I TERHADAP ALIRAN
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

MOHD HATIB ISMAIL^{1*}
SITI ROHANI JASNI¹

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400, Kota Kinabalu, Sabah.

*Corresponding author: mohdhatib@ums.edu.my

Received Date: 1 November 2023 • Accepted Date: 1 December 2023

Abstract

Mustafa al-Siba'i (1915-1964) is a scholar of ahli Sunnah wal Jamaah, was born in Syria and contributed a lot of ideas and thoughts on social and community issues. However, his thoughts and contributions to the Muslim community are less talked about. In addition, the study of this figure thought has not been done much even though he had many contribution in current Islamic thought. This study aims to explain the contributions and thoughts of Mustafa al-Siba'i in the context of modern society. This study uses a descriptive content analysis approach to Mustafa al-Siba'i's writings. The results of the study found that Mustafa al-Siba'i is an academic who prioritizes al-Quran and al-Sunnah as the main reference in every debate and his writing. The stature of Mustafa al-Siba'i proves his seriousness in upholding the teachings of Islam so as not being left behind with the current of modernization phenomena. Findings also show that his thoughts have a great impact on reforms in the social and community fields.

Keywords: : Mustafa al-Siba'i, Islamic Thought, scholars of the ahli Sunnah wal Jamaah

Abstrak

Mustafa al-Siba'i (1915-1964) merupakan tokoh ahli Sunnah wal Jamaah kelahiran Syria yang banyak menyumbang idea dan pemikiran yang menyentuh berkaitan sosial dan kemasyarakatan. Namun, pemikiran dan sumbangan tokoh ini kepada masyarakat Islam kurang diperkatakan. Di samping itu, kajian terhadap pemikiran tokoh ini tidak banyak dilakukan walaupun beliau mempunyai sumbangan dalam pemikiran Islam semasa. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan sumbangan dan pemikiran Mustafa al-Siba'i dalam konteks kemasyarakatan moden. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan secara deskriptif terhadap karya-karya penulisan Mustafa al-Siba'i. Hasil kajian mendapati bahawa Mustafa al-Siba'i adalah seorang ahli akademik

yang mendahulukan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama dalam setiap perbincangan dan penulisan beliau. Ketokohan Mustafa al-Siba'i membuktikan kesungguhannya dalam menegakkan syiar Islam agar tidak ketinggalan dengan arus fenomena modenisasi. Dapatan juga menunjukkan pemikiran beliau memberi impak yang besar terhadap pembaharuan dalam bidang sosial dan kemasyarakatan.

Kata kunci: Mustafa al-Siba'i, pemikiran Islam dan sarjana ahli Sunnah wal Jamaah.

Cite as: Mohd Hatib Ismail & Siti Rohani Jasni. 2023. Sumbangan Pemikiran Mustafa Al-Siba'i Terhadap Aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. [Mustafa Al-Siba'i's Contributions And Thoughts On The Sect Of Ahli Sunnah Wal Jamaah]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): .84-93.

PENGENALAN

Dalam menelusuri sejarah pemikiran Islam semasa, kita akan menemui lahirnya golongan sarjana yang menjadi pencetus idea kepada pemikiran dan pembaharuan Islam. Mereka terdiri daripada golongan cerdik pandai yang telah bertungkus-lumus melakukan perubahan terhadap pembaharuan Islam dan berusaha mendorong kepada pembangunan masyarakat yang harmoni. Kajian ini bertujuan melihat latar belakang Mustafa al-Siba'i yang merupakan teras kepada kajian ini. Perbincangan akan menjelaskan secara ringkas mengenai tempat, waktu dan keadaan lingkungan hidup beliau yang banyak mempengaruhi kehidupan serta corak pemikirannya. Justeru, kajian ini akan membincangkan tentang biografi dan perjalanan hidup Mustafa al-Siba'i iaitu salah seorang sarjana Islam yang memperjuangkan pergerakan Islam dalam medan dakwah, pembangunan negara, media, khidmat masyarakat dan penentangan terhadap penjajah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kajian kepustakaan. Pengumpulan data dijalankan dengan merujuk karya-karya akademik hasil penulisan Mustafa al-Siba'i yang berkaitan isu sosial dan masyarakat. Di samping itu, beberapa karya akademik berkaitan ketokohan Mustafa al-Siba'i juga dijadikan rujukan untuk menganalisis sejarah latar belakang kehidupan beliau. Manakala, kaedah analisis data dilakukan secara deskriptif terhadap idea dan pemikiran Mustafa al-Siba'i dalam konteks kemasyarakatan.

BIOGRAFI

Mustafa al-Siba'i dilahirkan pada tahun 1915 di sebuah bandar yang bernama Homs, Syria. Tokoh ini lahir daripada latar belakang keluarga agama yang kuat. Bapa beliau iaitu Husni al-Siba'i merupakan seorang tokoh terkenal dari segi kealiman, seorang pejuang dan tokoh pembaharuan di bandar kelahirannya (Muhammad Zarzur 2003). Sheikh Husni al-Siba'i merupakan seorang ulama yang dihormati di Bandar Homs, yang banyak mempengaruhi anaknya untuk mencintai ilmu dengan membawa beliau menyertai banyak majlis ilmu (Muhammad Thahhan 2002). Keperibadian Mustafa al-Siba'i telah dibentuk dari zaman awal kanak-kanak di bawah bimbingan bapa beliau sendiri.

Mustafa al-Siba'i seorang yang kuat menentang penjajahan dan seawal umurnya 16 tahun, beliau telah ditangkap dan dipenjara kerana menentang penjajahan dan mengedar risalah anti penjajah pada tahun 1931. Beliau tidak pernah serik walaupun pernah dipenjara beberapa kali. Selepas dibebaskan beliau masih tetap menyampaikan khutbah-khutbah yang mengajak masyarakat untuk sedar dan berusaha bebas dari belenggu penjajah. Setahun kemudiannya, beliau sekali lagi ditangkap dan kali

ini dipenjara selama 6 bulan atas tuduhan mengkritik pemerintah yang pro-British semasa menyampaikan khutbah di sebuah masjid dalam bandar kelahirannya (Muhammad Thahhan 2002).

Pada tahun 1933, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi di universiti al-Azhar, Mesir dan memperolehi sarjana muda Syariah dan Usuluddin (Mohd Rumaizuddin 2009). Setelah tamat pengajian di peringkat sarjana muda, beliau meneruskan lagi pelajaran di peringkat sarjana di universiti yang sama dengan memperoleh sarjana dalam bidang Usuluddin. Kecintaan beliau terhadap dunia ilmiah diteruskan lagi dalam peringkat doktor falsafah dan berjaya menghasilkan sebuah tesis yang bertajuk *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri'* pada tahun 1949. Lajnah Ulama Besar di Universiti al-Azhar Mesir bersepakat menganugerahkan tesis beliau dengan pangkat *Imtiyaz* (cemerlang). Pada tahun 1944, Mustafa al-Siba'i menunaikan haji buat kali pertama (Mohd Rumaizuddin 2009).

Mustafa al-Siba'i juga bergiat aktif dalam gerakan Islam dengan menyertai Ikhwan al-Muslimin setelah bertemu dengan Hasan al-Banna di Mesir (Muhammad Zarzur 2003). Setelah menyertai gerakan Ikhwan yang dipimpin oleh Hasan al-Banna beliau menyampaikan kuliah-kuliah dan menghadiri majlis-majlis yang dikendalikan oleh Hassan al-Banna (Mohd Rumaizuddin 2009). Di Mesir beliau turut menggerakkan mahasiswa untuk bangun menentang penjajahan British, akibatnya beliau ditahan di Mesir pada tahun 1934 dan tahun 1941 kerana melakukan demonstrasi menentang penjajah (Muhammad Thahhan 2002). Beliau telah dituduh menubuhkan satu pertubuhan rahsia untuk membantu pemberontakan Rashid al-Kailani menentang British di Iraq (Mohd Rumaizuddin 2009). Sekembalinya dari Mesir ke Syria, pada tahun 1945 beliau dilantik sebagai penasihat umum kepada gerakan Ikhwan al-Muslimin di Syria yang dikenali sebagai *al-Muraqqib al-^lamm*. Perlantikan beliau atas dasar kesepakatan ahli gerakan Ikhwan al-Muslimin dalam satu mesyuarat yang turut dihadiri oleh Syeikh Said Ramadan iaitu menantu Hassan al-Banna. Pada ketika itu, beliau menulis sebuah buku yang bertajuk *Durus fi Da^lwah al-Ikhwan al-Muslimin*, kandungan buku ini menjelaskan matlamat dan program-program yang dibentuk oleh gerakan Ikhwan al-Muslimin bagi memperbaiki sosial masyarakat di Syria (Mohd Rumaizuddin 2009).

Selepas dibebaskan daripada penjara, beliau kembali ke bandar Homs dan menguruskan pula sebuah pergerakan Islam yang dipanggil *Shabab Muhammad* (Pertubuhan Pemuda Muhammad) dan akhirnya bergabung dengan gerakan Ikhwan al-Muslimin di Syria. Penglibatan Mustafa al-Siba'i dalam aktiviti gerakan tersebut mengakibatkan beliau sekali lagi ditangkap oleh pihak Perancis dan dipenjara selama 2 tahun 6 bulan. Selepas dibebaskan, kesihatan beliau terjejas kesan daripada diseksa dan dipaksa melakukan kerja berat dalam penjara (Abd Allah 1983).

Walau bagaimanapun, situasi itu tidak dapat menghalang semangat perjuangan Mustafa al-Siba'i dalam menegakkan syiar Islam. Pada tahun 1945, beliau tekad mengetuai pemberontakan bersenjata menentang Perancis sehinggalah Syria merdeka sepenuhnya pada tahun 1946 (Muhammad Thahhan 2002). Sekitar tahun 1948, beliau bersama Gerakan Ikhwan Syria menyertai himpunan besar-besaran menentang keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk memecahkan Palestin kepada dua iaitu Yahudi dan Arab (Rumaizuddin 2009). Mustafa al-Siba'i bersama batalion Ikhwan al-Muslimin yang dihantar ke Palestin untuk mempertahankan Baitul Maqdis (Mursi 2010).

Pada tahun 1951, beliau telah menghadiri muktamar Islam di Pakistan yang dihadiri oleh sebilangan besar tokoh-tokoh terkemuka Islam dari seluruh dunia. Tahun berikutnya beliau bersama rakan-rakannya memohon kebenaran pemerintah bagi menyertai Perang Suez di Mesir, namun permohonannya ditolak, sebaliknya beliau sendiri telah ditangkap dan dipenjarakan. Kehidupan yang penuh kesusahan dan belunggu penjajah telah mempengaruhi keperibadian Mustafa al-Siba'i sehingga menjadi aktivis dalam pergerakan menentang penjajah dan menegakkan keadilan. Semangat dan sifat patriotik yang tertanam dalam dirinya menjadikan beliau melibatkan diri dalam gerakan melawan penjajah dan menuntut kebebasan Negara.

Dalam lapangan pendidikan, Mustafa al-Siba'i adalah sarjana muslim yang begitu komited dan

produktif. Beliau bertugas sebagai seorang guru di sebuah sekolah menengah di bandar Homs pada tahun 1944, kemudiannya beliau telah menubuhkan sebuah sekolah Arab Islam dan menjadi pengetua yang pertama di sekolah tersebut. Di peringkat pengajian tinggi, pada tahun 1950 beliau dilantik menjadi pensyarah di Universiti Damsyik dan dilantik pula menjadi ketua jabatan Fiqh. Sekitar tahun 1955, beliau telah dilantik memegang jawatan dekan Kuliah Syariah di Universiti yang sama. Beliau juga banyak mengadakan lawatan ke universiti-universiti di Eropah untuk mengkaji sistem pengajian terdapat di sana. Antara Negara-negara yang dikunjungi beliau adalah Turki, Itali, Britain, Ireland, Belgium, Poland, German, Switzerland, Perancis dan Rusia (Muhammad Zarzur 2003).

Mustafa al-Siba'i merupakan seorang ahli akademik yang berfikiran terbuka. Dalam menghadapi kemajuan dicapai oleh Barat, Mustafa al-Siba'i (2010) berpendapat bahawa umat Islam perlu mengambil manfaat daripada kemajuan tamadun bangsa-bangsa lain. Umat Islam perlu bersikap terbuka menerima kemajuan selagi mana tidak bercanggah dengan hukum-hakam serta kaedah yang ada dalam sistem syariat Islam. Beliau berpendapat, sikap jumud merupakan tingkah laku negatif yang tidak diterima dalam Islam. Realiti masyarakat moden selepas era kebangkitan Eropah sangat mementingkan teknologi dan kemajuan, maka umat Islam tidak boleh ketinggalan dalam hal tersebut. Sekiranya umat Islam mengambil sikap tidak peduli, mereka akan terus dilanda kemunduran.

Dalam usaha untuk menyampaikan ilmu dan maklumat pula, Mustafa al-Siba'i melibatkan diri dalam bidang penerbitan majalah dan media. Beliau telah berjaya menerbitkan akhbar harian yang bernama *al-Manar* dari tahun 1947 sehingga tahun 1949. Di samping itu, beliau telah mengasaskan akhbar mingguan politik yang bernama *al-Shahab* dan majalah *al-Muslimun* pada tahun 1955. Walau bagaimanapun nama majalah *al-Muslimun* telah ditukar nama kepada *al-Hadarah al-Islam* pada tahun 1958. Pelancaran majalah dan akhbar ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan mendidik masyarakat untuk sentiasa peka terhadap isu-isu melibatkan umat Islam dan dunia semasa (Mohd Rumaizuddin 2009).

Perjalanan hidup Mustafa al-Siba'i akhirnya sampai kepada penghujungnya apabila beliau diserang penyakit strok sehingga lumpuh separuh badan sekitar tahun 1957. Namun dalam fasa akhir hidupnya, beliau masih sempat untuk menulis buku-buku serta menyampaikan kuliah kepada pelajar di dewan syarahan perdana dalam keadaan lumpuh (Mohd Rumaizuddin 2009). Beliau akhirnya menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1964 setelah lapan tahun mengalami sakit lumpuh (Mursi 2010). Pemergian al-Siba'i merupakan satu kehilangan yang besar dalam lembaran sejarah dan sukar untuk dicari ganti.

SUMBANGAN DAN PEMIKIRAN

Setiap tokoh dikenali semestinya mempunyai sumbangan dan pemikiran sepanjang jangka hayatnya. Begitu juga Mustafa al-Siba'i, beliau merupakan seorang sarjana muslim moden yang banyak memberi sumbangan ilmiah kepada dunia Islam. Pemikiran beliau juga banyak menjadi sandaran ilmu kepada umat dari semasa hayatnya dan juga selepas kematiannya. Beliau dikenali sebagai seorang *da'i*, *mujahid*, *faqih* dan *Mujaddid* serta sarjana yang menulis dalam banyak bidang ilmu Islam (Muhammad Zarzur 2003). Antara sumbangan beliau dalam bidang Hadith, Tamadun dan Peradaban, Sejarah, Fiqh, Dakwah serta Sosial dan Kemasyarakatan dijelaskan seperti berikut:

Bidang Hadith

Mustafa al-Siba'i menjelaskan kedudukan *al-Sunnah* sebagai jawapan terhadap segala keraguan dan tuduhan yang dicanangkan oleh musuh-musuh Islam untuk melemahkan kedudukan *al-Sunnah* sebagai sumber akidah umat Islam. Keraguan dan persoalan yang ditimbulkan tentang *al-Sunnah* dijawab secara intelektual dan ilmiah. Pada ketika manusia menempuh arus dunia moden dengan berbagai-bagai

ideologi baru beliau berusaha meyakinkan umat Islam kembali menjadikan *al-Sunnah* sebagai rujukan yang penting selepas al-Quran (Mohd Rumaizuddin 2009).

Al-Sunnah merupakan sumber kedua bagi umat Islam selepas al-Quran, maka kredibiliti *al-Sunnah* itu patut diangkat dan dipertahankan. Mesti ada golongan akademik dalam kalangan sarjana moden Islam yang tampil mempertahankan al-Sunnah daripada serangan musuh Islam, sama ada dari kalangan orang Islam yang ragu-ragu dengan *al-Sunnah*, mahupun orang bukan Islam yang cuba melemahkan sumber rujukan utama Islam. Umat Islam hari ini perlu menghargai kehadiran Mustafa al-Siba'i dalam mempertahankan *al-Sunnah*, kerana beliau telah berusaha keras menulis sebuah tesis untuk mendepani tuduhan jahat terhadap *al-Sunnah*.

Sumbangan beliau dalam bidang hadith antara yang terbesar ialah sebuah tesis yang dihasilkan bertajuk *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri'*. Tesis ini telah berjaya membuktikan kerelevanan dan kredibiliti *al-Sunnah* dalam pelaksanaan hukum dan undang-undang Islam sepanjang zaman. Antara inti pati penulisan beliau ini ialah menjelaskan apakah maksud al-Sunnah dalam Islam dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Kemudian beliau menerangkan isu-isu yang wujud berkenaan *al-Sunnah* dalam kalangan umat Islam dan serangan daripada orang yang memusuhi *al-Sunnah*. Turut dimuatkan cara periwayatan hadith dilakukan dan tokoh-tokoh besar ilmuan hadith yang terlibat dalam menyusun, mengumpul dan mengarang kitab hadith. Dalam karya ini juga, dibincangkan pemertabatan *al-Sunnah* dalam sebagai sumber hukum Islam.

Dalam bidang ini, Mustafa al-Siba'i memberi satu sumbangan ilmiah yang cukup penting bagi umat Islam. Hasil kajian beliau mengenai kedudukan *al-Sunnah* dalam Islam merupakan sumbangan besar dalam dunia akademik. Melalui kajian tersebut Mustafa al-Siba'i telah membuktikan bahawa beliau seorang sarjana Islam moden yang mempertahankan imej *al-Sunnah* daripada diperkotak-katikkan oleh musuh Islam dengan melemahkan sumber-sumber yang terdapat dalam Islam.

Bidang Tamadun dan Peradaban

Menyentuh sumbangan dalam bidang peradaban dan tamadun, Mustafa al-Siba'i (2005) mengarang sebuah buku bertajuk *Min Rawa'ic Hadaratina*. Ia menghuraikan kemerosotan tamadun barat selepas mereka mendakwa mereka telah mencapai kemajuan dalam segenap bidang. Menurut beliau, tamadun barat gagal membawa kebahagiaan dunia dan tidak dapat memainkan peranan sepenuhnya untuk memimpin dunia. Mustafa al-Siba'i juga mengkritik ideologi komunis yang mengangkat nilai keadilan dan kebahagiaan manusia berdasarkan nilai materialistik semata-mata. Ideologi komunis juga bersifat anti kepada nilai kerohanian, agama serta mengabaikan nilai-nilai moral.

Justeru itu, beliau menyatakan umat Islam mampu membawa tamadun yang lebih sempurna. Beliau menyakinkan bahawa peradaban umat Islam memainkan peranan untuk mentadbir dunia, ini disebabkan:

1. Umat Islam berpengalaman memberi sumbangan terhadap pembangunan tamadun. Islam mementingkan ilmu yang menghormati akal dan mendorong akal menyingkap rahsia-rahsia alam semesta. Islam mempunyai akidah dan akhlak yang lurus serta mulia, malah melarang sikap berlebihan melampau dan tidak adil (al-Siba'i 2005). Islam menganjurkan cara hidup yang memberi kemudahan dan kebaikan. Islam melahirkan individu dan masyarakat yang mendatangkan kebaikan secara universal. Islam tidak berkembang dengan menghapuskan identiti bangsa, sebaliknya Islam mengangkat nilai kemanusiaan dan mengiktiraf setiap bangsa manusia (al-Siba'i 2005).

2. Umat Islam dididik dengan sifat rohani yang positif iaitu sentiasa menerapkan nilai ketuhanan dalam setiap perbuatan. Ramai sarjana muslim menjadi ilmuwan dalam bidang sains, falsafah, perundangan dan pemimpin yang berwibawa. Dalam ajaran Islam setiap aktiviti manusia ada aturan dan panduan, walau dalam keadaan remeh dan serius, mudah dan sulit serta memindahkan satu kesempurnaan kepada kesempurnaan yang lain (al-Siba'i 2005).

Bagi Mustafa al-Siba'i, maksud tamadun ialah satu sistem sosial yang membangunkan manusia bagi meningkatkan produktiviti kebudayaan. Tamadun ini terbentuk melalui empat bahagian utama iaitu sumber ekonomi, kuasa politik, tradisi moral serta khazanah ilmu dan seni. Menurutnya lagi, kejatuhan sesuatu tamadun kerana: Kemosotan akhlak dan pemikiran, sistem dan undang-undang rosak, kezaliman dan kemiskinan berleluasa, banyaknya sifat putus asa, tiada kuasa untuk mengarahkan penguasaan kepakaran dan kecekapan dan kemalapan pemimpin-pemimpin yang ikhlas (al-Siba'i 2005).

Bagi Mustafa al-Siba'i peradaban Islam itu sememangnya istimewa kerana beberapa faktor, yang pertama; peradaban Islam didirikan atas dasar penyatuan yang suci pada akidah, suatu peradaban yang menyeru kepada Tuhan yang satu. Memahami keagungan Allah yang Esa mempunyai pengaruh besar dalam mengangkat darjat manusia, rakyat yang bebas dari kezaliman pemerintah, meluruskan hubungan pemerintah dan rakyat serta mengarahkan pandangan hanya kepada Allah sebagai pencipta alam (al-Siba'i 2005).

Bidang Sejarah

Dalam lapangan sejarah, Mustafa al-Siba'i juga telah mengarang satu buku mengenai sejarah Nabi SAW dan para sahabat. Karya ini merupakan antara buku rujukan dalam bidang sirah yang berjudul *Sirah al-Nabawiyah*. Dalam buku ini al-Siba'i mengetengahkan keistimewaan sirah baginda Nabi SAW dan faedah mempelajarinya.

Penulisan sejarah agung ini telah digarap dengan baik. Mustafa al-Siba'i telah membahagikan karya ini dalam beberapa bahagian supaya sirah baginda Nabi SAW dapat dilihat mengikut beberapa tahap bermula dari kehidupan baginda Nabi SAW sebelum di angkat menjadi rasul sehingga kewafatan nabi Muhammad SAW (al-Siba'i 2010). Bahagian-bahagian tersebut ialah:

1. Peringkat kehidupan sebelum dilantik menjadi utusan Allah SWT.
2. Peringkat kehidupan selepas menjadi rasul sehingga peristiwa hijrah pertama iaitu hijrah kumpulan umat Islam ke Habshah yang diketuai oleh Ja'far bin Abi Talib.
3. Peringkat selepas hijrah ke Habshah sehingga berlakunya hijrah kedua iaitu hijrah Nabi Muhammad SAW dan umat Islam ke Madinah al-Munawwarah.
4. Peringkat berlakunya hijrah, peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa hijrah serta keadaan nabi Muhammad SAW ketika berada di Madinah. Sewaktu Rasulullah mula sampai ke Madinah sehingga kestabilan Rasulullah membina negara Islam Madinah.
5. Peringkat kisah peperangan yang telah berlaku semasa hayat nabi Muhammad s.a.w. Ia dimulai dengan peristiwa berlakunya perang Badar sehingga saat pembukaan kota Mekah oleh Nabi Muhammad SAW dan tentera Islam.
6. Peringkat peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas berlakunya pembukaan kota Mekah sehingga kewafatan Nabi Muhammad SAW.

Antara keistimewaan penulisan sejarah baginda Nabi SAW ini ialah pada setiap peringkat telah dijelaskan dan dimasukkan pedoman dan pengajaran untuk umat Islam. Pedoman dan pengajaran tersebut boleh dijadikan panduan umat Islam masa kini dengan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh terbaik *role model* untuk menghadapi cabaran kehidupan moden. Mustafa al-Siba'i telah menyenaraikan beberapa keistimewaan mempelajari dan membaca buku penulisan beliau, antaranya:

- a. *Sirah al-Nabawiyah* istimewa kerana ia menceritakan sejarah nabi yang sahih. Sirah baginda Nabi SAW diterima dengan garapan susunan fakta ilmiah yang tepat berlandaskan *al-Quran* dan *al-Sunnah*.

- b. Kehidupan baginda Nabi SAW pada setiap peringkat kehidupan baginda jelas, bermula perkahwinan ibu bapanya, zaman remaja, mata pencarian nabi Muhammad SAW dan peristiwa baginda diangkat menjadi rasul sehingga ke hari kewafatan baginda.
- c. *Sirah al-Nabawiyyah* mengisahkan kehidupan seorang manusia yang dimuliakan oleh Allah dengan menerima wahyu Tuhannya. Namun pada masa yang sama, baginda Nabi SAW masih kekal bersifat sebagaimana manusia biasa.
- d. *Sirah al-Nabawiyyah* meliputi setiap sudut kemanusiaan yang dimiliki manusia. Ia menceritakan perjalanan hidup baginda Nabi SAW sebagai seorang pemuda yang amanah dan berakhlak mulia, menjadi seorang pendakwah yang berkesan, menjadi ketua negara yang membangunkan sistem pentadbiran yang baik untuk negara Islam Madinah.

Penulisan yang berbentuk ilmiah memerlukan sumber rujukan yang asli dan penting. Hasil daripada sumber rujukan yang sahih, dapat menghasilkan satu tulisan yang diyakini dari segi kebenaran. Tulisan berkenaan sejarah wajib menggunakan sumber dan fakta yang sahih, supaya ia tidak menyalahi keadaan sebenar yang berlaku di masa lampau. Nilai akademik dapat ditonjolkan dalam buku ini yang mana segala penulisan dilakukan berdasarkan sumber sirah dan rujukan yang sahih (al-Siba'i 2010). Sebagai seorang ahli akademik, al-Siba'i dalam menulis *Sirah al-Nabawiyyah* menyatakan sumber-sumber utama dalam penulisannya, iaitu;

1. Al-Qur'an; al-Quran adalah sumber rujukan asas sirah Baginda Nabi SAW. Ia mengisahkan banyak peristiwa yang berlaku dalam sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW dan memaparkan kisah-kisah peperangan yang berakut pada zaman baginda. Al-Qur'an adalah kitab yang paling boleh dipercayai di atas muka bumi dan terbukti kebenarannya secara *mutawatir*. Setiap peristiwa sejarah yang dinyatakan di dalam al-Quran secara mutlak diperakui sebagai sumber sejarah yang sahih (al-Siba'i 2010).
2. Hadith yang sahih; Sumber yang dirujuk adalah daripada kitab-kitab hadith yang sahih karangan tokoh hadith yang telah diakui kejujuran dan dipercayai dalam dunia Islam. Antaranya; Kitab *Sunnan al-Sittah* iaitu *Sahih Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Daud*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan al-Tirmizi* dan *Sunan Ibn Majah*. Begitu juga kitab hadith yang lain seperti *al-Muwatta' dan Musnad Ibn Hambal*.
3. Syair-syair Arab pada zaman baginda Nabi SAW; syair-syair yang menggambarkan persekitaran hidup dan dakwah Islam. Antara penyair Islam pada zaman tersebut adalah Hassan bin Sabit dan Abdullah bin Rawahah.
4. Kitab-kitab sirah; Sumber rujukan ini adalah daripada penulisan sirah nabi yang dikarang oleh tokoh terdahulu. Antara kitab-kitab sirah terdahulu; *Sirah Ibn Ishaq*, *Sirah Ibn Hisham*, *Sirah Ibn Saad* dan *Tarikh al-Tabari*.

Sesungguhnya umat Islam amat beruntung kerana telah diberikan contoh terbaik melalui sirah nabawi untuk dibuat teladan dan pengajaran. Tamadun Islam yang telah dibina oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW tidak boleh ditinggalkan sebagai perkara yang pernah berlaku semata-mata, tetapi ia patut dijadikan sejarah yang mengandungi berbagai-bagai iktibar yang wajib dijadikan ikutan umat masa kini untuk membina semula tamadun Islam yang gagah.

Bidang Fiqh

Pemikiran Mustafa al-Siba'i terhadap wanita pula berbentuk pembelaan terhadap hak kaum tersebut. Sebuah buku yang bertajuk *al-Mar'ah bayna al-Fiqh wa al-Qanun* telah dikarang oleh beliau untuk membicarakan hal tersebut. Ini bertujuan untuk menjawab dan menangkis serangan pemikiran dari barat

yang mengkritik kedudukan wanita dalam Islam (al-Siba'i 1967).

Karya ini merupakan hujah pembelaan terhadap kedudukan wanita dalam Islam. Mustafa al-Siba'i menjelaskan bahawa ajaran Islam menegakkan keadilan bagi setiap individu tanpa mengira status jantina. Prinsip Islam mengiktiraf kedudukan insan dan melindungi hak-hak setiap individu tanpa mengira status sosial. Kaum wanita dimuliakan dalam Islam, mereka berhak untuk menuntut ilmu, hak untuk mewarisi harta pusaka dan diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal rumahtangga.

Mustafa al-Siba'i turut menjelaskan kedudukan wanita dalam sitem perkahwinan dalam Islam. Menurut beliau, tidak boleh mezalimi kaum isteri seperti memukul dan mengucapkan kata-kata yang kasar. Setiap hak para isteri perlu ditunaikan dengan baik dan adil. Bagi kaum lelaki yang ingin berpoligami, perlu memenuhi syarat-syarat mampu untuk berlaku adil. Demikian juga sekiranya berlaku perceraian, hak kaum wanita selepas bercerai perlu ditunaikan (al-Siba'i 1967).

Oleh itu, Mustafa al-Siba'i menjelaskan bahawa Islam menggariskan kedudukan dalam beberapa keadaan: **Pertama:** penciptaan manusia berlainan jantina merupakan lumrah kejadian manusia mengikut kehendak Allah SWT. Islam menjamin hak kedudukan setiap manusia tanpa mengira lelaki dan wanita. **Kedua:** Wanita juga mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam kalangan Masyarakat. Islam mengalakkan wanita untuk mendapat pendidikan yang baik dan terlibat aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. **Ketiga:** Wanita juga diberi ruang dalam bidang pentadbiran dan pengurusan organisasi dan institusi (al-Siba'i 1967).

Di samping itu, Mustafa al-Siba'i juga menyumbang penulisan dalam bidang hal-hal berkaitan berpuasa dan falsafah di sebalik puasa. Beliau telah menulis sebuah buku yang berjudul *Ahkam al-Siyam wa al-Falsafatuhu*. Buku ini menerangkan tentang syariat kewajipan puasa, rukun-rukun berkaitan puasa, hukum-hukum berkaitan berpuasa dan falsafah dalam ibadah puasa. Perbincangan dilakukan oleh Mustafa al-Siba'i mengenai ibadah puasa bermula dengan pensyariatan berdasarkan al-Quran dan *al-Sunnah*. Kemudian beliau meneruskan penjelasan tentang hikmah ibadah puasa dari sudut psikologi agama dan kesihatan. Menurut beliau, puasa menuntut sifat hamba yang benar ikhlas menahan diri dari makan dan minum kerana tunduk kepada perintah Allah. Puasa adalah tanda-tanda orang beriman umat-umat terdahulu dan selepas pengutusan Nabi SAW (al-Siba'i 1972).

Bidang Dakwah

Mustafa al-Siba'i bukan sahaja seorang sarjana yang berada di meja tulis semata-mata. Beliau adalah seorang pendakwah dan aktivis sosial yang banyak menghabiskan usianya untuk melakukan kerja dakwah. Beliau berdakwah bersama ikhwan al-Muslimin menerbitkan majalah seperti *al-Manar* dan *al-Shabab*.

Dakwah beliau juga dijalankan melalui penulisan-penulisan ilmiah beliau, sama ada daripada nota-nota kuliah beliau ketika menjadi pensyarah atau penulisan khusus mengenai kehidupan masyarakat semasa. Sewaktu beliau menjadi ahli parlimen, beliau tetap melaksanakan tanggungjawab berdakwah supaya umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang syumul dan menyeluruh (Muhammad Zarzur 2003).

Mustafa al-Siba'i tidak pernah meninggalkan tanggungjawab berdakwah dalam setiap bidang yang beliau ceburi. Usaha dakwah tetap diteruskan sehingga ke akhir hayat beliau. Beliau berdakwah membawa ajaran Islam ketika menjadi ahli politik, ahli akademik, editor dan pengarang dalam majalah, dan pejuang menentang penjajah (Muhammad Thahhan 2002).

Bidang Sosial dan Kemasyarakatan

Dalam lapangan pemikiran sosial, Mustafa al-Siba'i memperkenalkan satu bentuk penyusunan masyarakat Islam melalui bukunya yang berjudul *al-Ishtirakiyyah al-Islamiyyah* dan *al-Takaful al-*

Ijtima'î. Al-Siba'î mengetengahkan bentuk-bentuk keadilan sosial yang terdapat dalam Islam dan harus dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat.

Islam sebagai sebuah agama yang lengkap dan menyeluruh semestinya mempunyai satu sistem yang terbaik untuk mengatur kehidupan secara individu mahupun bermasyarakat. Justeru itu, al-Siba'î telah membawa kembali bentuk sosial Islam bagi menjawab persoalan-persoalan yang timbul berkaitan kemasyarakatan terutamanya soal keadilan sosial. Apatah lagi, dalam keadaan dunia moden masa kini, keagungan tamadun Islam telah lama berlalu dan umat Islam berada keadaan keliru untuk mencari tata cara kehidupan yang sebagaimana boleh membuatkan kehidupan lebih adil dan aman. Masyarakat sudah mula melihat ideologi dan pemikiran yang bukan daripada tradisi pemikiran Islam untuk memenuhi kehendak hidup yang lebih terjamin (al-Siba'î 1960).

Mustafa al-Siba'î tampil sebagai seorang sarjana Islam moden membela pemikiran Islam dengan menyatakan bahawa Islam sememangnya mempunyai satu bentuk sosial yang lengkap, bahkan ia sudah lama wujud sejajar dengan permulaan Islam. Bersandarkan kepada teladan pemerintahan Islam yang terdahulu, al-Siba'î mengemukakan sistem sosial dalam Islam dalam bentuk sistem sosial moden yang banyak menekankan tentang keadilan sosial. Keadilan sosial yang dibawa oleh al-Siba'î yang juga akan menjadi teras dalam kajian ini ialah meliputi hak-hak individu, jaminan dan kebajikan sosial dalam Masyarakat (al-Siba'î 1997).

Di samping itu, Mustafa al-Siba'î juga menulis sebuah buku mengulas tentang akhlak-akhlak manusia dalam masyarakat yang berjudul *Akhlaquna al-Ijtima'îyyah*. Buku ini ditulis berkaitan kaedah berinteraksi dalam masyarakat seperti mengamalkan sikap dan adab yang baik dalam membentuk sebuah masyarakat yang baik. Beliau memberi perbezaan antara kelakuan yang baik dan dipuji dengan kelakuan yang buruk dan keji. Beliau juga menyentuh hubungan dalam keluarga, hubungan antara individu dan masyarakat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, jelaslah bahawa Mustafa al-Siba'î merupakan salah seorang tokoh pembaharuan Islam yang berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah. Pemikiran dan karya-karya penulisan yang dibawa menjurus kepada aspek keadilan sosial dan membela hak manusia. Semangat perjuangan Mustafa al-Siba'î dalam memperjuangkan keadilan dapat dibuktikan melalui pemberontakan bersenjata menentang penjajah dan pemerintah zalim yang diketuai oleh beliau. Demikian, perjalanan hidup dan sumbangan beliau menampilkan kesungguhannya dalam menegakkan syiar Islam. Perbincangan ini diharap dapat kesedaran bahawa Mustafa al-Siba'î pernah hadir membawa sinar Islam melalui pembaharuan-pembaharuan dalam pemikiran yang dilakukan khususnya untuk mengembalikan ajaran Islam yang syumul dan supaya umat Islam tidak ketinggalan serta dapat bersaing dengan tamadun manusia lain dalam era moden. Sungguhpun tokoh ini sudah pergi meninggalkan kita hari ini, namun keilmuan yang telah ditinggalkannya tidak pernah luput dalam dunia keilmuan Islam, pemikiran beliau sentiasa bergerak dalam pemikiran sarjana Islam selepas beliau. Semoga bakti yang beliau curahkan mendapat rahmat dan ganjaran di sisi Allah SWT.

RUJUKAN

- Abd Allah, Umar F. (1983). *The Islamic Struggle in Syria*. United States of Amerika: Mizan Press.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2009). *10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh*. Selangor: PTS Islamika.
- al-Siba'î, Mustafa. (1972). *Ahkam al-Siyam wa al-Falsafatuhu fi daw' al-Qur'an wa-al-Sunnah*. Beirut: Maktabah Islami.
- al-Siba'î, Mustafa. (1960). *Al-Ishtirakiyyah al-Islam*. Al-Qahirah: al-Dar al-Qawmiyah.

- al-Siba'i, Mustafa. (1997). *Al-Takaful al-Ijtima'i fi al-Islam*. Riyadh: Dar al-Warraq.
- al-Siba'i, Mustafa. (2005). *Min Rawa'ic Hadaratina*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Siba'i, Mustafa. (1967). *Al-Mar'ah Bayna Fiqh wa al-Qanun*. Damascus: Maktabah al-Islami.
- al-Siba'i, Mustafa. (1998). *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri' al-Islamiy*. al-Qahirah: Dar al-Salam
- al-Siba'i, Mustafa. (1988). *Haza Huwa al-Islam Silsilah Rasa'il Tabhasu an al-Fikrah al-Islam al-Hadithah*. Jil 1. Damascus: Maktabah al-Islami.
- al-Siba'i, Mustafa. (1998). *Uzama'una fi al-Tarikh*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Siba'i, Mustafa. (2005). *Civilization of Faith Solidarity, Tolerance an Equality in Nation Built on Shariah*. Terj. Nasiruddin al-Khattab. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- al-Siba'i, Mustafa. (2010). *Sirah Nabi Muhammad s.a.w Pengajaran dan Pedoman*. Terj. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Muhammad Zarzur, Adnan. (2003). *Mustafa al-Siba'i al-Da'iyah, al-Mujahid, wa al-Faqih al-Mujaddid*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Muhammad Thahhan, Musthafa. (2002). *Kepimpinan dalam Pergerakan Islam: Tokoh Pergerakan Islam Masa Kini Dr. Musthafa as-Siba'i*. Terj. Muhammad Baihaqi. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Mursi, Muhammad Said. (2010). *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman*. Terj. Azlina Roslan. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Salt, J. (1996). *An Islamic Scholar-Activist: Mustafa al-Sibai and Islamic Movement in Syria 1945-1954*. Dlm. Journal of Arabic, Islamic and Middle Eastern Studies. Vol 3. No 1.